

PM jamin bantu segera mangsa banjir di Sabah

Setakat ini
6 daerah terjejas
bencana monsun
Timur Laut

Oleh Izwan Abdullah dan
Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan bantuan kewangan untuk mangsa banjir di Sabah akan disalurkan dengan segera.

Beliau memberi jaminan itu bagi menjawab permintaan negeri dibuat Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor ketika mesyuarat khas pasukan petugas pengurusan bencana banjir monsun Timur Laut yang diadakan secara dalam talian, semalam.

Sementara itu, dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan semalam, Hajiji ketika memberi taklimat dalam mesyuarat khas yang dipengerusikan Ismail Sabri menjelaskan setakat pagi semalam, enam daerah terjejas akibat banjir.

Daerah terbabit ialah Kota Marudu, Pitas, Paitan, Ranau, Sandakan dan Telupid.

“Kita telah membuka 23 pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah terjejas bagi menampung 874 keluarga yang membabitkan 2,435 orang mangsa banjir,” katanya.

Hajiji berkata, semua agensi



Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Mohamad Alamin (tiga dari kiri) melihat kesan kerosakan pada Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Sapi, Telupid yang terjejas akibat banjir, semalam. (Foto BERNAMA)

berkaitan yang diarahkan untuk membantu mangsa banjir menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik.

Setakat ini, katanya, Sabah menerima sebanyak RM200,000 dan RM674,000 lagi diperlukan sebagai bantuan kewangan untuk setiap keluarga yang terjejas.

Ini berikutan kerajaan Persekutuan sebelum ini mengumumkan setiap keluarga terjejas banjir akan diberi Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000.

Beliau berkata, kerajaan Sabah mengambil langkah segera menyalurkan bantuan, termasuk menggerakkan pasukan

keselamatan untuk turun ke kawasan dilanda banjir bagi membantu penduduk yang terjejas.

Katanya, pihaknya turut mengarahkan supaya pasukan keselamatan diletakkan dalam keadaan bersiap sedia di semua kawasan berisiko banjir.

“Pasukan keselamatan sudah diarahkan untuk turun ke kawasan yang terjejas, selain diletakkan dalam keadaan bersiap sedia di kawasan berisiko banjir untuk membantu mangsa.

“Bantuan makanan kecemasan juga diagihkan segera kepada mangsa banjir secepat mungkin oleh agensi yang ber-

tanggungjawab,” katanya.

Hajiji turut menasihatkan orang ramai supaya berwaspada dan mengambil langkah sewajarnya ketika berdepan dengan banjir demi keselamatan penduduk.

Katanya, kerajaan negeri juga akan memastikan semua agensi yang terbabit dalam operasi banjir di seluruh negeri bersiap sedia untuk mengambil tindakan apabila perlu.

Pada 29 Disember lalu, Hajiji mengarahkan semua jawatankuasa pengurusan bencana di negeri ini diaktifkan berikutan cuaca buruk di kawasan utara dan pantai timur Sabah.